

MAHATHIR - SABAH

KOTA KINABALU, 13 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP RAKYAT SABAH AKAN MENGUNDI CALON-CALON BARISAN NASIONAL (BN) DAN MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK DIDORONG OLEH PERBEZAAN POLITIK DI PERINGKAT NEGERI DALAM MEMBUAT PILIHAN.

KATANYA RAKYAT SABAH SENDIRI YANG AKAN RUGI JIKA MEREKA MEMBAWA PERBEZAAN SEPERTI ITU KE PERINGKAT NASIONAL.

BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 3,000 ORANG YANG BERKUMPUL DI PADANG MAJLIS PERBANDARAN DI SINI, BELIAU MENGGESA RAKYAT DI SABAH SUPAYA MENOLAK CALON-CALON PEMBANGKANG DARI DAP DAN BEBAS.

+HANYA DENGAN CARA ITULAH KEMAJUAN NEGARA DAN PERJUANGAN UNTUK MENCAPAI TARAF HIDUP LEBIH BAIK DAPAT DITERUSKAN+, KATA BELIAU YANG BARU TIBA DARI KUCHING DALAM RANGKA LAWATAN SEHARI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM 20 DAN 21 OKTOBER INI.

PILIHAN RAYA UMUM DI SABAH MEMBABITKAN HANYA KERUSI-KERUSI PARLIMEN. DARIPADA 20 KAWASAN TERBABIT, KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN TELAH MENANG TANPA DITANDINGI DI KENINGAU PADA PENAMAAN CALON DUA HARI LEPAS. -- LAGI

1536MST 13 10 90

U B962 AAB

MAHATHIR - SABAH 2 KOTA KINABALU

HADIR SAMA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, KETUA MENTERI DAN PEMBESAR-PEMBESAR NEGERI LAIN.

+ADALAH PENTING BAGI RAKYAT SABAH UNTUK MEMILIH WAKIL-WAKIL YANG BUKAN SAHAJA DAPAT MENYUARAKAN KEPENTINGAN MEREKA DI DEWAN RAKYAT, TETAPI JUGA MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG ERAT DENGAN PARA WAKIL DARI NEGERI-NEGERI LAIN DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN RAKYAT SABAH BAHAWA PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA ANTARA KAUM MERUPAKAN SATU-SATUNYA JALAN UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN BERSAMA.

SAMBIL MENYEBUT BAGAIMANA BEBERAPA NEGARA DILANDA KERUSUHAN, KEKACAUAN DAN KESENGSARAAN AKIBAT PERMUSUHAN ANTARA PUAH DAN KAUM, KATANYA.

+DALAM NEGARA BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA, SISJEM PEMERINTAHAN DAN KERAJAAN SEPERTI BARISAN NASIONAL MERUPAKAN PILIHAN TERBAIK BAGI SELURUH RAKYAT,+ KATANYA. -- LAGI

1558MST 13 10 90

U B963 AAB

MAHATHIR - SABAH 3 KOTA KINABALU

BELIAU JUGA BERKATA SATU-SATU KAUM MUNGKIN BOLEH MENUBUHKAN PARTI SENDIRI, BAHKAN SATU-SATU NEGERI JUGA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN TETAPI, SETELAH MENGUASAI KERAJAAN NEGERI, TIDAK BANYAK YANG DAPAT DIBUAT OLEH KERAJAAN SEPERTI ITU KERANA TANPA KERJASAMA DAN SOKONGAN DARI NEGERI-NEGERI LAIN MELALUI KERAJAAN PUSAT, BANYAK PERKARA YANG PENTING TIDAK DAPAT DIJALANKAN.

ITULAH SEBABNYA PARTI GERAKAN, SELEPAS MENANG DAN BERJAYA MENUBUHKAN KERAJAAN DI PULAU PINANG PADA 1969, KEMUDIAN MENYERTAI BN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, PERMINTAAN DAN TUNTUTAN YANG WAJAR DARI RAKYAT TETAP DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN PUSAT.

TETAPI, RAKYAT PERLU MENYEDARI DAN MEMAHAMI BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN JUGA HARUS MEMIKIRKAN KEPENTINGAN NEGARA DAN SEMUA NEGERI SECARA KESELURUHAN. -- LAGI

D163

U B964 AAB  
MAHATHIR - SABAH 4 KOTA KINABALU

DATUK PAIRIN PULA BERKATA UNTUK MENYATUPADUKAN RAKYAT SABAH YANG BERBILANG KAUM, MEDIA PERHUBUNGAN YANG LENGKAP DIPERLUKAN. +KERANA ITULAH KAMI MEMINTA SUPAYA DIBERI STESEN TELEVISYEN DAN RADIO SENDIRI, SUPAYA DAPAT LEBIH BERKESAN MENGHUBUNGI RAKYAT DAN MENYAMPAIKAN MESEJ PERPADUAN,+ KATANYA.

DATUK PAIRIN JUGA MEMINTA KERAJAAN PUSAT SUPAYA TIDAK MELUPAKAN HAK DAN KEPENTINGAN RAKYAT SABAH, DEMI MENJAGA KESTABILAN PEMERINTAHAN.

BELIAU JUGA MENYENARAIKAN BEBERAPA TUNTUTAN, SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM MANIFESTO PBS DALAM PILIHANRAYA NEGERI JULAI LALU, TERMASUK ROYALTI MINYAK YANG LEBIH, KADAR BAYARAN ELEKTRIK YANG LEBIH RENDAH DAN KELULUSAN UNTUK MENUBUHKAN ZON-ZON PERDAGANGAN BEBAS DENGAN TUJUAN MENGGALAKKAN PELABURAN ASING DI NEGERI INI.

PETANG INI DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN BERMESYUARAT DENGAN PARA PEMIMPIN PBS DAN USNO, SEBELUM BERLEPAS KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN. -- BERNAMA

1603MST 13 10 90